



SIARAN MEDIA

BANTUAN BANJIR KELUARGA MALAYSIA : PEMBELIAN PERALATAN ELEKTRIK DOMESTIK KEPADA MANGSA BANJIR YANG TERKESAN

YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli dalam sidang media telah mengumumkan mengenai Program Bantuan Banjir Keluarga Malaysia untuk Pembelian Peralatan Elektrik Domestik Kepada Mangsa Banjir Yang Terkesan.

Sebagaimana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Disember 2021, Bantuan Pembelian Peralatan Elektrik Domestik sebanyak RM500 dalam bentuk e-rebat ini bertujuan untuk meringankan beban kepada pengguna elektrik domestik yang terkesan untuk membuat pembelian peralatan elektrik bagi menggantikan peralatan yang rosak. Pelaksanaannya akan menggunakan platform dan mekanisme Program *Sustainability Achieved Via Energy Efficiency (SAVE)* yang diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia).

Bantuan khas ini dikhususkan kepada warganegara Malaysia yang berdaftar sebagai pengguna/pemilik akaun elektrik (domestik) dengan syarikat utiliti elektrik, rumah kediaman yang ditenggelami banjir dan tersenarai sebagai Mangsa Bencana.

Melalui bantuan ini, setiap rumah kediaman pengguna/pemilik akaun elektrik berdaftar (domestik) yang layak boleh memohon dan mendapatkan e-rebat bernilai RM500 semasa membuat pembelian sama ada secara fizikal di kedai dan pasaraya yang berdaftar atau di platform e-dagang yang diiktiraf di bawah Program SAVE.

Pemberian bantuan ini hanya untuk 15 peralatan elektrik domestik yang disenaraikan, tidak terikat kepada syarat label cekap tenaga dan perlu mematuhi piawaian keselamatan elektrik. Walau bagaimanapun, pengguna digalakkan membeli peralatan elektrik berlabel cekap tenaga.

Pembelian barangan program ini akan bermula pada 7 Januari 2022. Untuk maklumat lanjut, pemohon boleh merujuk ke laman sesawang di pautan <http://www.saveenergy.gov.my>.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

7 JANUARI 2022

